



**GARIS PANDUAN OPERASI BIL. 1 TAHUN 2024  
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**POTONGAN CUKAI BULANAN DI BAWAH KAEDAH-KAEDAH CUKAI  
PENDAPATAN (POTONGAN DARIPADA SARAAN) 1994 [P.U.(A) 507/1994]**

---

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1. PENGENALAN	2
2. OBJEKTIF	3
3. TANGGUNGJAWAB MAJIKAN	3 – 5
4. PENENTUAN AMAUN PCB	6 – 10
5. POTONGAN DAN REBAT YANG DIBENARKAN DI BAWAH ACP	10 – 13
6. FORMULA PENGIRAAN PCB	13 – 24
7. PENENTUAN AMAUN PCB BAGI SARAAN TAMBAHAN	30 – 36
8. PEMBATALAN	42
9. PENAFIAN	42



**GARIS PANDUAN OPERASI BIL.1 TAHUN 2024  
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

**POTONGAN CUKAI BULANAN DI BAWAH KAEDAH-KAEDAH CUKAI  
PENDAPATAN (POTONGAN DARIPADA SARAAN) 1994 [P.U.(A) 507/1994]**

**1. PENGENALAN**

- 1.1. Garis panduan ini bertujuan untuk membantu majikan menentukan amaun Potongan Cukai Bulanan (PCB) dengan betul dan tepat selari dengan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994 [P.U.(A) 507/1994] (selepas ini dirujuk sebagai "KKCP PDS") dan undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh garis panduan ini diterbitkan.
- 1.2. PCB ialah suatu mekanisme potongan cukai pendapatan daripada saraan bulanan semasa pekerja bertujuan untuk mengurangkan beban pekerja membayar cukai sekali gus apabila cukai sebenar ditentukan.
- 1.3. Menurut peruntukan subseksyen 107(2) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP), majikan dikehendaki membuat potongan cukai daripada saraan pekerjanya pada setiap bulan atau pada mana-mana bulan mengikut jumlah seperti yang diarahkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) di bawah kaedah 3 KKCP PDS.
- 1.4. Bermula tahun 2009, amaun PCB ditentukan mengikut formula dalam Jadual (kaedah 3 KKCP PDS) berdasarkan Jadual PCB atau Pengiraan Berkomputer.

- 1.5. Majikan yang tidak menggunakan perisian pembayaran gaji berkomputer adalah digalakkan untuk menggunakan sistem atau aplikasi e-PCB, e-CP39 dan Kalkulator PCB yang disediakan secara percuma di portal rasmi LHDNM [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) melalui capaian MyTax > Perkhidmatan ezHasil.

## **2. OBJEKTIF**

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan—

- (a) tanggungjawab majikan berhubung dengan pelaksanaan PCB ke atas saraan bulanan pekerja; dan
- (b) kaedah penentuan amaun PCB.

## **3. TANGGUNGJAWAB MAJIKAN**

- 3.1. Tanggungjawab majikan yang digariskan di bawah seksyen 107 ACP dan subkaedah 10(1) KKCP PDS adalah seperti berikut:
  - (a) melaksanakan PCB daripada saraan setiap pekerja pada setiap bulan atau bulan yang berkaitan mengikut Jadual PCB atau Pengiraan Berkomputer dan membayar kepada KPHDN;
  - (b) melaksanakan potongan tambahan daripada saraan pekerja mengikut arahan yang dikeluarkan oleh KPHDN (CP38);
  - (c) membuat bayaran PCB dan/atau CP38 kepada KPHDN tidak lewat daripada hari ke-15 tiap-tiap bulan kalendar bagi potongan bulan sebelumnya;

(d) mengemukakan penyata maklumat pekerja yang lengkap dan tepat semasa membuat bayaran PCB dan/atau CP38 yang mengandungi butiran berikut:

- (i) Nama seperti yang dinyatakan dalam kad pengenalan atau pasport;
- (ii) Nombor kad pengenalan atau nombor pasport;
- (iii) Nombor rujukan cukai pendapatan; dan
- (iv) Amaun PCB dan/atau CP38.

Nota: Kegagalan majikan mengemukakan data yang lengkap dan tepat akan menyebabkan bayaran PCB dan/atau CP38 tidak akan diproses.

(e) mengemukakan maklumat mengenai pemberhentian pekerja (Borang CP22A/CP22B) melalui e-SPC bagi kes yang tertakluk kepada keperluan Surat Penyelesaian Cukai (SPC) sahaja;

(f) menyimpan dengan selamat dokumen yang relevan berkaitan dengan pekerjaanya bagi tempoh tujuh tahun dari akhir tahun taksiran yang saraan itu dipotong;

(g) memaklumkan kepada setiap pekerja tentang tanggungjawab berikut:

- (i) mengemukakan Borang Maklumat Berkaitan Penggajian Dengan Majikan-Majikan Terdahulu Dalam Tahun Semasa Bagi Tujuan Potongan Cukai Bulanan (PCB) (Borang PCB/TP3) bagi pekerja baharu;
- (ii) mengemukakan Borang Tuntutan Potongan Dan Rebat Individu Bagi Tujuan Potongan Cukai Bulanan (PCB) (Borang PCB/TP1) kepada majikan jika pekerja ingin menuntut potongan dan rebat

dalam bulan berkenaan. Pekerja perlu menyimpan dengan selamat setiap resit yang berkaitan dengan tuntutan potongan dan rebat bagi tempoh tujuh tahun dari akhir tahun taksiran yang saraan itu dipotong;

- (iii) mengemukakan maklumat peribadi dengan lengkap dan tepat serta memaklumkan apa-apa perubahan butiran peribadi kepada majikan; dan
- (iv) mengemukakan maklumat yang betul dalam apa-apa borang yang ditetapkan oleh KPHDN berhubung dengan cukai yang boleh dikenakan ke atasnya. Kegagalan pekerja berbuat demikian merupakan suatu kesalahan di bawah perenggan 113(1)(b) ACP.

- 3.2. Menurut perenggan 75A(1)(b) ACP, pengarah syarikat yang memegang 20% modal syer biasa atau lebih dalam syarikat adalah bertanggung secara bersesama dan berasingan atas PCB yang tidak dibayar oleh syarikat di bawah KKCP PDS.
- 3.3. Walau bagaimanapun, tindakan hanya boleh diambil terhadap seseorang yang memegang jawatan sebagai pengarah syarikat dalam tempoh di mana jumlah PCB menjadi genap masa dan kena dibayar oleh syarikat itu.
- 3.4. Kegagalan majikan untuk mematuhi subkaedah 10(1) KKCP PDS merupakan suatu kesalahan di bawah kaedah 17, Kaedah yang sama dan jika disabitkan, boleh didenda tidak kurang daripada RM200 dan tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

#### 4. PENENTUAN AMAUN PCB

4.1. Penentuan amaun PCB adalah berdasarkan—

(a) Jadual PCB

Terpakai bagi majikan yang tidak menggunakan Pengiraan Berkomputer. Mulai 1 Mac 2019, Jadual PCB dikeluarkan dalam bentuk elektronik iaitu e-Jadual PCB melalui sistem e-CP39.

atau

(b) Pengiraan Berkomputer

Terpakai bagi—

- (i) majikan yang menggunakan sistem atau aplikasi yang dibangunkan oleh LHDNM seperti e-PCB, e-CP39 dan Kalkulator PCB; atau
- (ii) Majikan yang menggunakan sistem pembayaran gaji berkomputer yang disediakan oleh pembekal perisian atau dibangunkan atau diubah suai oleh majikan mengikut spesifikasi yang ditentukan dan disahkan oleh LHDNM.

4.2. Dalam menentukan amaun PCB berdasarkan Pengiraan Berkomputer—

- (a) pekerja boleh membuat tuntutan potongan dan rebat yang dibenarkan di bawah ACP pada mana-mana bulan dalam tahun semasa dengan menggunakan Borang PCB/TP1; dan

- (b) majikan dikehendaki untuk memproses Borang PCB/TP1 pekerja tidak kurang daripada dua kali (2) dalam tahun semasa.

4.3. Amaun PCB ditentukan berdasarkan kriteria berikut:

4.3.1 Taraf Mastautin Pekerja

Kadar PCB adalah berbeza mengikut taraf mastautin seseorang individu yang ditentukan berdasarkan seksyen 7 ACP.

(a) Pekerja Bermastautin

PCB hendaklah dikira mengikut kadar cukai yang dinyatakan di bawah perenggan 1, Bahagian 1, Jadual 1 ACP. Pekerja layak menuntut potongan dan rebat yang dibenarkan di bawah ACP.

(b) Pekerja Bukan Bermastautin

PCB hendaklah dikira mengikut kadar cukai yang dinyatakan di bawah perenggan 1A, Bahagian 1, Jadual 1 ACP.

4.3.2 Kategori Pekerja

Bagi maksud pengiraan PCB, pekerja diklasifikasikan kepada tiga (3) kategori seperti berikut:

Kategori 1: Bujang;

Kategori 2: Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja; dan

Kategori 3: Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang dengan anak angkat.

### 4.3.3 Pendapatan Penggajian

Amaun PCB bergantung kepada pendapatan penggajian yang diterima oleh pekerja termasuk saraan, manfaat berupa barangan atau nilai tempat kediaman yang disediakan kepada pekerja.

#### (a) Saraan

Saraan bermaksud pendapatan berkenaan dengan perolehan atau keuntungan daripada sesuatu pekerjaan sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 13(1) ACP.

Jenis saraan yang tertakluk kepada PCB adalah seperti berikut:

- (i) Gaji;
- (ii) Upah;
- (iii) Bayaran kerja lebih masa;
- (iv) Komisen;
- (v) Tip;
- (vi) Elaun;
- (vii) Bonus atau insentif;
- (viii) Yuran pengarah;
- (ix) Perkuisit;
- (x) Skim Opsyen Saham Pekerja (SOSP);
- (xi) Cukai yang ditanggung oleh majikan;
- (xii) Ganjaran;
- (xiii) Pampasan kerana kehilangan pekerjaan; atau
- (xiv) Lain-lain saraan berhubung dengan penggajian.

#### (b) Manfaat Berupa Barangan (MBB)

MBB adalah suatu manfaat yang disediakan oleh majikan kepada pekerja dan tidak boleh ditukarkan kepada wang.



Manfaat ini disifatkan sebagai pendapatan kasar daripada pengajian di bawah perenggan 13(1)(b) ACP. Kaedah penentuan nilai MBB hendaklah merujuk kepada Ketetapan Umum berkaitan MBB yang dikeluarkan oleh KPHDN.

(c) Nilai Tempat Kediaman (NTK)

NTK merupakan nilai manfaat tempat kediaman di Malaysia yang disediakan oleh atau bagi pihak majikan kepada pekerja NTK ini disifatkan sebagai pendapatan kasar daripada pengajian di bawah perenggan 13(1)(c) ACP. Kaedah penentuan NTK hendaklah merujuk kepada Ketetapan Umum berkaitan NTK yang dikeluarkan oleh KPHDN.

4.4. Kategori saraan

Kategori saraan adalah seperti berikut:

4.4.1 Saraan biasa iaitu saraan bulanan tetap yang dibayar kepada pekerja sama ada amaun yang dibayar adalah tetap atau berubah-ubah sebagaimana yang dinyatakan dalam kontrak perkhidmatan secara bertulis atau sebaliknya. Saraan biasa termasuk—

- (a) pekerja tiada gaji bulanan dan hanya menerima komisen;
- (b) gaji bulanan dibayar berdasarkan gaji hari atau jam; atau
- (c) gaji bulanan berubah disebabkan oleh perubahan nilai pertukaran mata wang asing.

4.4.2 Saraan tambahan iaitu apa-apa bayaran tambahan kepada saraan biasa dalam bulan semasa yang dibayar kepada pekerja sama ada secara sekali gus, berkala, tertunggak atau bayaran yang tidak tetap. Saraan tambahan termasuk—

- (a) Bonus atau insentif;
- (b) Tunggakan gaji atau apa-apa tunggakan lain yang dibayar kepada pekerja;
- (c) Skim opsyen saham pekerja (jika pekerja memilih potongan PCB);
- (d) Cukai yang ditanggung oleh majikan;
- (e) Ganjaran;
- (f) Pampasan untuk kehilangan pekerjaan;
- (g) Ex-gratia;
- (h) Yuran Pengarah (tidak dibayar secara bulanan);
- (i) Komisen (tidak dibayar secara bulanan);
- (j) Elaun (tidak dibayar secara bulanan); atau
- (k) Lain-lain bayaran sebagai tambahan kepada saraan biasa bulan semasa.

## **5. POTONGAN DAN REBAT YANG DIBENARKAN DI BAWAH ACP**

### **5.1. Potongan Wajib**

Majikan dikehendaki mengambil kira potongan wajib berikut dalam menentukan amaun PCB pekerja:

- (a) Potongan individu;
- (b) Potongan suami atau isteri;
- (c) Potongan anak; dan
- (d) Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau skim diluluskan yang lain.

## 5.2. Potongan Tambahan

Bagi Pengiraan Berkomputer, majikan perlu mengambil kira potongan tambahan berikut dalam menentukan amaun PCB pekerja:

- (a) Orang kurang upaya;
- (b) Suami atau isteri kurang upaya; dan
- (c) Potongan anak kurang upaya.

## 5.3. Potongan Pilihan

Bagi Pengiraan Berkomputer, selain potongan wajib dan tambahan, pekerja juga boleh menuntut potongan pilihan yang dibenarkan di bawah ACP dengan mengemukakan Borang PCB/TP1.

## 5.4. Rebat

### 5.4.1. Rebat Zakat (Bayaran Melalui Potongan Gaji)

Jika seseorang pekerja telah membuat bayaran zakat kepada pihak berkuasa zakat melalui potongan gaji, majikan boleh membuat tolakan bayaran zakat itu daripada amaun PCB yang sepatutnya dipotong bagi bulan berkenaan.

#### **Contoh 1:**

PCB bagi bulan Januari 2023	<b>RM</b>
Amaun PCB	105.00
Zakat dibayar	55.00
PCB yang perlu dipotong selepas rebat zakat	50.00

**Contoh 2:**

PCB bagi bulan Mei 2023	RM
Amaun PCB	110.00
Zakat dibayar	140.00
PCB yang perlu dipotong selepas rebat zakat	TIADA
Lebihan zakat	30.00

Lebihan zakat RM30.00 boleh dibawa ke hadapan untuk ditolak daripada PCB bulan berikutnya dengan syarat ia adalah dalam tahun yang sama.

#### 5.4.2. Rebat Zakat (Bayaran Selain Melalui Potongan Gaji)

Jika pekerja membuat apa-apa bayaran zakat selain melalui potongan gaji secara bulanan seperti di perenggan 5.4.1, pekerja itu boleh membuat tuntutan bayaran zakat tersebut dengan mengemukakan Borang PCB/TP1 kepada majikan dalam tahun semasa untuk menentukan amaun PCB yang perlu dipotong selepas rebat zakat.

#### 5.4.3. Rebat Levi Pelepasan Kepada Penumpang Udara Bagi Perjalanan Umrah Atau Perjalanan Tujuan Keagamaan Agama Lain

Rebat yang dibenarkan adalah bersamaan dengan amaun levi yang dibayar oleh pekerja untuk dirinya sahaja. Tuntutan ini adalah terhadap kepada dua (2) kali perjalanan seumur hidup.

## 6. FORMULA PENGIRAAN PCB

### 6.1. Jadual PCB

Amaun PCB berdasarkan Jadual PCB ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$PCB = \frac{[(P - M) R + B]}{12}$$

$$\text{iaitu } P = [(Y - K^*) \times 12] + (\sum Y_{t1} - K_{t1}^*)^{**} + (Y_t - K_t^*)^{**} - (D + S + QC)$$

P	Jumlah pendapatan yang boleh dikenakan cukai untuk setahun;
Y	Saraan biasa kasar bulan semasa;
K	Caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar berkenaan dengan Y, tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
$\sum(Y_{t1}-K_{t1})$	Jumlah saraan tambahan bersih terkumpul yang dibayar kepada pekerja dalam tahun semasa, tidak termasuk saraan tambahan bulan semasa;
$Y_{t1}$	Jumlah saraan tambahan kasar terkumpul yang dibayar kepada pekerja dalam tahun semasa, tidak termasuk saraan tambahan bulan semasa;
$K_{t1}$	Jumlah caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar berkenaan dengan $Y_{t1}$ , tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
$(Y_t - K_t)$	Saraan tambahan bersih bulan semasa;
$Y_t$	Saraan tambahan kasar bulan semasa;
$K_t$	Caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar berkenaan dengan $Y_t$ tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
* $K + K_t + K_{t1}$ tidak melebihi jumlah amaun yang layak setahun;	

**( $\sum Y_{t1} - K_{t1}$ ) + ( $Y_t - K_t$ ) hanya terpakai bagi pengiraan PCB bagi saraan tambahan;	
D	Potongan individu;
S	Potongan suami atau isteri;
Q	Potongan bagi anak yang layak;
C	Bilangan anak yang layak;
Nilai D, S dan C ditentukan seperti yang berikut:	
(i)	Jika kategori 1 = Bujang: Nilai D = Potongan individu, S = 0 dan C = 0;
(ii)	Jika kategori 2 = Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja: Nilai D = Potongan individu, S = Potongan suami atau isteri dan C = bilangan anak yang layak;
(iii)	Jika kategori 3 = Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang yang mempunyai anak angkat: Nilai D = Potongan individu, S = 0 dan C = bilangan anak yang layak;
M	Amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang pertama bagi tiap-tiap banjaran pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun;
R	Kadar peratusan cukai;
B	Amaun cukai atas M selepas ditolak rebat cukai individu dan suami atau isteri, jika layak.

Setelah nilai P diperoleh, nilai M, R dan B ditentukan berdasarkan Jadual 1 yang nilai B bergantung kepada kategori pekerja.

**Jadual 1: Nilai P, M, R dan B**

P (RM)	M (RM)	R (%)	B Kategori 1 & 3 (RM)	B Kategori 2 (RM)
5,001 - 20,000	5,000	1	- 400	- 800
20,001 - 35,000	20,000	3	-250	-650
35,001 - 50,000	35,000	6	600	600
50,001 - 70,000	50,000	11	1,500	1,500
70,001 - 100,000	70,000	19	3,700	3,700
100,001 - 400,000	100,000	25	9,400	9,400
400,001 - 600,000	400,000	26	84,400	84,400
600,001 - 2,000,000	600,000	28	136,400	136,400
Melebihi 2,000,000	2,000,000	30	528,400	528,400

6.1.1 PCB yang dinyatakan dalam Jadual PCB hendaklah tertakluk kepada yang berikut:

- (a) amaun PCB dibundarkan ke atas atau ke bawah kepada gandaan lima sen terhampir; dan
- (b) amaun minimum PCB adalah RM1.

6.1.2 Jika amaun PCB (sebelum tolakan zakat) adalah kurang daripada RM1, PCB tidak perlu dipotong daripada saraan pekerja.

6.1.3 Majikan yang masih menggunakan Jadual PCB dalam menentukan amaun PCB pekerja hendaklah menggunakan Pengiraan Berkomputer atau Kalkulator PCB yang terdapat dalam portal rasmi LHDNM, sekiranya pekerja—

- (a) memilih untuk menuntut potongan selain potongan bagi diri sendiri, suami atau isteri, anak dan caruman KWSP;

- (b) menerima pelarasan gaji (kenaikan atau penurunan gaji);
- (c) baru mula bekerja selain pada bulan Januari; atau
- (d) baru mula bekerja dengan majikan baharu dan pernah menerima saraan daripada majikan terdahulu.

6.2. Pengiraan Berkomputer

Amaun PCB berdasarkan Pengiraan Berkomputer ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\text{PCB bulan semasa} = \frac{[(P - M) R + B] - (Z + X)}{n + 1}$$

PCB bersih = PCB bulan semasa – zakat bulan semasa

iaitu:

$$P = [\sum(Y-K^*) + (Y_1-K_1^*) + [(Y_2-K_2^*)n] + (Y_t-K_t^*)^{**}] - [D+S+D_U+S_U+QC+(\sum LP+LP_1)]$$

P	Jumlah pendapatan yang boleh dikenakan cukai untuk setahun;
$\sum(Y-K)$	Jumlah saraan biasa bersih dan saraan tambahan bersih terkumpul tahun semasa, yang dibayar kepada pekerja sehingga sebelum bulan semasa, termasuk saraan biasa bersih dan saraan tambahan bersih yang dibayar oleh majikan terdahulu, jika ada;
Y	Jumlah saraan biasa kasar dan saraan tambahan kasar terkumpul tahun semasa, yang dibayar kepada pekerja sehingga sebelum bulan semasa, termasuk saraan biasa kasar dan saraan tambahan kasar yang dibayar oleh majikan terdahulu, jika ada;



K	Jumlah caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar berkenaan dengan Y dalam tahun semasa, termasuk yang dituntut di bawah penggajian terdahulu, jika ada, tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
Y <sub>1</sub>	Saraan biasa kasar bulan semasa;
K <sub>1</sub>	Caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar berkenaan dengan Y <sub>1</sub> dalam bulan semasa, tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
Y <sub>2</sub>	Anggaran saraan seperti Y <sub>1</sub> bagi bulan seterusnya;
K <sub>2</sub>	Anggaran baki jumlah caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar bagi baki bulan yang layak $[(\text{Jumlah amaun yang layak setahun} - (K + K_1 + K_t))/n]$ atau K <sub>1</sub> , mengikut mana-mana yang lebih rendah;
Y <sub>t</sub> - K <sub>t</sub>	Saraan tambahan bersih bulan semasa;
Y <sub>t</sub>	Saraan tambahan kasar bulan semasa;
K <sub>t</sub>	Caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar berkenaan dengan Y <sub>t</sub> , tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
*K + K <sub>1</sub> + K <sub>2</sub> + K <sub>t</sub> tidak melebihi jumlah amaun yang layak setahun;	
** $\sum(Y_t - K_t)$ hanya terpakai bagi pengiraan PCB bagi saraan tambahan;	
n	Baki bulan dalam setahun;
n + 1	Baki bulan dalam setahun, termasuk bulan semasa;
D	Potongan individu;
S	Potongan suami atau isteri;
D <sub>U</sub>	Potongan orang kurang upaya;
S <sub>U</sub>	Potongan suami atau isteri kurang upaya;
Q	Potongan bagi anak yang layak;
C	Bilangan anak yang layak;
Nilai D, S dan C ditentukan seperti yang berikut:	
(i)	Jika kategori 1 = Bujang;

	Nilai D = Potongan individu, S = 0 dan C = 0;
(ii)	Jika kategori 2 = Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja: Nilai D = Potongan individu, S = Potongan suami atau isteri dan C = Bilangan anak yang layak;
(iii)	Jika kategori 3 = Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang yang mempunyai anak angkat: Nilai D = Potongan individu, S = 0 dan C = Bilangan anak yang layak;
$\sum LP$	Potongan yang dibenarkan terkumpul dalam tahun semasa, termasuk daripada pengajian terdahulu, jika ada;
$LP_1$	Potongan yang dibenarkan bagi bulan semasa;
M	Amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang pertama bagi setiap banjaran pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun;
R	Kadar peratusan cukai;
B	Amaun cukai ke atas M selepas ditolak rebat cukai individu dan suami atau isteri, jika layak;
Z	Zakat terkumpul yang dibayar dalam tahun semasa selain zakat bulan semasa;
X	PCB terkumpul yang dibayar bagi bulan terdahulu dalam tahun semasa, termasuk bayaran daripada pengajian terdahulu, tetapi tidak termasuk PCB tambahan yang diminta oleh pekerja dan bayaran ansuran cukai.

### 6.2.1 Pengiraan Berkomputer Bagi Program Kepulangan Pakar (PKP)

Program Kepulangan Pakar (PKP) ertinya suatu program yang diuruskan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad dan diluluskan oleh Kerajaan serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam P.U.(A) 151/2012.

Pekerja yang diluluskan boleh memilih untuk dikenakan kadar cukai rata 15% ke atas pendapatan bercukai daripada penggajian seperti yang diperuntukkan di bawah Bahagian XV Jadual 1 ACP.

Pekerja diberi pilihan bagi tempoh lima tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun taksiran pertama yang dipilih oleh pekerja tersebut.

Sekiranya jumlah pendapatan bercukai tidak melebihi RM35,000.00, pekerja layak mendapat rebat cukai individu atau suami atau isteri sebanyak RM400.00 masing-masing.

Amaun PCB bagi pekerja yang layak ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\text{PCB bulan semasa} = \frac{[(PR - T) - (Z + X)]}{n + 1}$$

PCB bersih = PCB bulan semasa – zakat bulan semasa

iaitu;

$$P = [\sum(Y - K^*) + (Y_1 - K_1^*) + [(Y_2 - K_2^*)n] + (Y_t - K_t^*)^{**}] - [D + S + D_u + S_u + Q_c + (\sum LP + LP_1)]$$

P	Jumlah pendapatan yang boleh dikenakan cukai untuk setahun;
$\sum (Y-K)$	Jumlah saraan biasa bersih dan saraan tambahan bersih terkumpul tahun semasa, yang dibayar kepada pekerja sehingga sebelum bulan semasa, termasuk saraan biasa bersih dan saraan tambahan bersih yang dibayar oleh majikan terdahulu, jika ada;
Y	Jumlah saraan biasa kasar dan saraan tambahan kasar terkumpul tahun semasa, yang dibayar kepada pekerja sehingga sebelum bulan semasa, termasuk saraan biasa kasar dan saraan tambahan kasar yang dibayar oleh majikan terdahulu, jika ada;
K	Jumlah caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar berkenaan dengan Y dalam tahun semasa, termasuk yang dituntut di bawah penggajian terdahulu, jika ada, tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
$Y_1$	Saraan biasa kasar bulan semasa;
$K_1$	Caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar berkenaan dengan $Y_1$ dalam bulan semasa, tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
$Y_2$	Anggaran saraan seperti $Y_1$ bagi bulan seterusnya;
$K_2$	Anggaran baki jumlah caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar bagi baki bulan yang layak $[(\text{Jumlah amaun yang layak setahun} - (K + K_1 + K_t)) / n]$ atau $K_1$ , mengikut mana-mana yang lebih rendah;
$Y_t - K_t$	Saraan tambahan bersih bulan semasa;
$Y_t$	Saraan tambahan kasar bulan semasa;
$K_t$	Caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar berkenaan dengan $Y_t$ , tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;

* $K + K_1 + K_2 + K_t$ tidak melebihi jumlah amaun yang layak setahun;	
** $\sum(Y_t - K_t)$ hanya terpakai bagi pengiraan PCB bagi saraan tambahan;	
n	Baki bulan dalam setahun;
n + 1	Baki bulan dalam setahun, termasuk bulan semasa;
D	Potongan individu;
S	Potongan suami atau isteri;
D <sub>u</sub>	Potongan orang kurang upaya;
S <sub>u</sub>	Potongan suami atau isteri kurang upaya;
Q	Potongan bagi anak yang layak;
C	Bilangan anak yang layak;
Nilai D, S dan C ditentukan seperti yang berikut:	
(i)	Jika kategori 1 = Bujang: Nilai D = Potongan individu, S = 0 dan C = 0;
(ii)	Jika kategori 2 = Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja: Nilai D = Potongan individu, S = Potongan suami atau isteri dan C = Bilangan anak yang layak;
(iii)	Jika kategori 3 = Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang yang mempunyai anak angkat: Nilai D = Potongan individu, S = 0 dan C = Bilangan anak yang layak;
$\sum LP$	Potongan yang dibenarkan terkumpul dalam tahun semasa, termasuk daripada pengajian terdahulu, jika ada;
LP <sub>1</sub>	Potongan yang dibenarkan bagi bulan semasa;
R	Kadar peratusan cukai;
T	Rebat individu atau suami atau isteri, jika ada;
Z	Zakat terkumpul yang dibayar dalam tahun semasa selain zakat bulan semasa;

X	PCB terkumpul yang dibayar bagi bulan terdahulu dalam tahun semasa, termasuk bayaran daripada penggajian terdahulu, tetapi tidak termasuk PCB tambahan yang diminta oleh pekerja dan bayaran ansuran cukai.
---	---

Setelah nilai P diperoleh, nilai T ditentukan berdasarkan Jadual 2 yang nilai T bergantung kepada jenis kategori pekerja.

**Jadual 2: Nilai P, R dan T**

P (RM)	R (%)	T Kategori 1 & 3 (RM)	T Kategori 2 (RM)
35,000 dan ke bawah	15	400	800
Melebihi 35,000	15	0	0

#### 6.2.2 Pengiraan Berkomputer Bagi Pekerja Berpengetahuan Di Wilayah Yang Ditentukan

Pekerja berpengetahuan ialah orang yang layak yang—

(i) memegang ijazah sarjana muda atau ijazah sarjana dalam mana-mana bidang profesional atau teknikal daripada suatu kolej, institusi atau universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh tahun pengalaman bekerja dalam mana-mana aktiviti yang layak; atau

(ii) memegang ijazah kedoktoran dalam mana-mana bidang profesional atau teknikal daripada suatu kolej, institusi atau universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman bekerja dalam mana-mana aktiviti yang layak,

dan telah memenuhi apa-apa kriteria lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Menteri seperti yang ditetapkan dalam P.U.(A) 344/2010 dan 330/2023.

Pekerja yang diluluskan boleh memilih untuk dikenakan kadar cukai rata 15% ke atas pendapatan bercukai daripada penggajian seperti yang diperuntukkan di bawah Bahagian XIV Jadual 1 ACP; selagi mana masih menetap dan bekerja di wilayah berkenaan.

Sekiranya jumlah pendapatan bercukai tidak melebihi RM35,000.00, pekerja layak mendapat rebat cukai individu atau suami atau isteri sebanyak RM400.00 masing-masing.

Amaun PCB bagi pekerja yang layak ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\text{PCB bulan semasa} = \frac{[(PR - T) - (Z + X)]}{n + 1}$$

PCB bersih = PCB bulan semasa – zakat bulan semasa

iaitu;

$$P = [\sum(Y - K^*) + (Y_1 - K_1^*) + [(Y_2 - K_2^*)n] + (Y_t - K_t^*)^{**}] - [D + S + D_u + S_u + QC + (\sum LP + LP_1)]$$

P	Jumlah pendapatan yang boleh dikenakan cukai untuk setahun;
$\sum (Y - K)$	Jumlah saraan biasa bersih dan saraan tambahan bersih terkumpul tahun semasa, yang dibayar kepada pekerja sehingga sebelum bulan semasa, termasuk saraan biasa bersih dan saraan tambahan bersih yang dibayar oleh majikan terdahulu, jika ada;

Y	Jumlah saraan biasa kasar dan saraan tambahan kasar terkumpul tahun semasa, yang dibayar kepada pekerja sehingga sebelum bulan semasa, termasuk saraan biasa kasar dan saraan tambahan kasar yang dibayar oleh majikan terdahulu, jika ada;
K	Jumlah caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar berkenaan dengan Y dalam tahun semasa, termasuk yang dituntut di bawah penggajian terdahulu, jika ada, tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
Y <sub>1</sub>	Saraan biasa kasar bulan semasa;
K <sub>1</sub>	Caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar berkenaan dengan Y <sub>1</sub> dalam bulan semasa, tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
Y <sub>2</sub>	Anggaran saraan seperti Y <sub>1</sub> bagi bulan seterusnya;
K <sub>2</sub>	Anggaran baki jumlah caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar bagi baki bulan yang layak $[(\text{Jumlah amaun yang layak setahun} - (K + K_1 + K_t))/n]$ atau K <sub>1</sub> , mengikut mana-mana yang lebih rendah;
Y <sub>t</sub> - K <sub>t</sub>	Saraan tambahan bersih bulan semasa;
Y <sub>t</sub>	Saraan tambahan kasar bulan semasa;
K <sub>t</sub>	Caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar berkenaan dengan Y <sub>t</sub> , tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
*K + K <sub>1</sub> + K <sub>2</sub> + K <sub>t</sub> tidak melebihi jumlah amaun yang layak setahun;	
** $\sum(Y_t - K_t)$ hanya terpakai bagi pengiraan PCB bagi saraan tambahan;	
n	Baki bulan dalam setahun;
n + 1	Baki bulan dalam setahun, termasuk bulan semasa;
D	Potongan individu;
S	Potongan suami atau isteri;
D <sub>u</sub>	Potongan orang kurang upaya;



Su	Potongan suami atau isteri kurang upaya;
Q	Potongan bagi anak yang layak;
C	Bilangan anak yang layak;
Nilai D, S dan C ditentukan seperti yang berikut:	
(i)	Jika kategori 1 = Bujang: Nilai D = Potongan individu, S = 0 dan C = 0;
(ii)	Jika kategori 2 = Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja: Nilai D = Potongan individu, S = Potongan suami atau isteri dan C = Bilangan anak yang layak;
(iii)	Jika kategori 3 = Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang yang mempunyai anak angkat: Nilai D = Potongan individu, S = 0 dan C = Bilangan anak yang layak;
$\sum LP$	Potongan yang dibenarkan terkumpul dalam tahun semasa, termasuk daripada penggajian terdahulu, jika ada;
LP <sub>1</sub>	Potongan yang dibenarkan bagi bulan semasa;
R	Kadar peratusan cukai;
T	Rebat individu atau suami atau isteri, jika ada;
Z	Zakat terkumpul yang dibayar dalam tahun semasa selain zakat bulan semasa;
X	PCB terkumpul yang dibayar bagi bulan terdahulu dalam tahun semasa, termasuk bayaran daripada penggajian terdahulu, tetapi tidak termasuk PCB tambahan yang diminta oleh pekerja dan bayaran ansuran cukai.

Setelah nilai P diperoleh, nilai T ditentukan berdasarkan Jadual 3 yang nilai T bergantung kepada jenis kategori pekerja.

Jadual 3: Nilai P, R dan T

P (RM)	R (%)	T Kategori 1 & 3 (RM)	T Kategori 2 (RM)
35,000 dan ke bawah	15	400	800
Melebihi 35,000	15	0	0

### 6.2.3 Pengiraan Berkomputer Bagi Individu Pemastautin Yang Bukan Warganegara Dan Memegang Jawatan C Suite Dalam Suatu Syarikat Yang Diluluskan

Pekerja yang layak ialah individu pemastautin yang bukan warganegara yang digaji oleh suatu syarikat yang diluluskan dan memegang jawatan C Suite sepanjang tahun taksiran yang ditentukan serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam P.U.(A) 242/2023.

Jawatan C Suite ertinya jawatan eksekutif kanan atasan yang bergantung kepada kepandaian fungsional dan kemahiran teknikal seperti Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Operasi dan Ketua Pegawai Maklumat.

Amaun PCB bagi pekerja yang layak ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\text{PCB bulan semasa} = \frac{[PR - (Z + X)]}{n + 1}$$

PCB bersih = PCB bulan semasa – zakat bulan semasa

iaitu;

$$P = [\sum(Y - K^*) + (Y_1 - K_1^*) + [(Y_2 - K_2^*)n] + (Y_t - K_t^*)^{**}] - [D + S + D_u + S_u + Q_C + (\sum LP + LP_1)]$$

P	Jumlah pendapatan yang boleh dikenakan cukai untuk setahun;
$\sum (Y-K)$	Jumlah saraan biasa bersih dan saraan tambahan bersih terkumpul tahun semasa, yang dibayar kepada pekerja sehingga sebelum bulan semasa, termasuk saraan biasa bersih dan saraan tambahan bersih yang dibayar oleh majikan terdahulu, jika ada;
Y	Jumlah saraan biasa kasar dan saraan tambahan kasar terkumpul tahun semasa, yang dibayar kepada pekerja sehingga sebelum bulan semasa, termasuk saraan biasa kasar dan saraan tambahan kasar yang dibayar oleh majikan terdahulu, jika ada;
K	Jumlah caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar berkenaan dengan Y dalam tahun semasa, termasuk yang dituntut di bawah penggajian terdahulu, jika ada, tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
$Y_1$	Saraan biasa kasar bulan semasa;
$K_1$	Caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar berkenaan dengan $Y_1$ dalam bulan semasa, tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
$Y_2$	Anggaran saraan seperti $Y_1$ bagi bulan seterusnya;
$K_2$	Anggaran baki jumlah caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar bagi baki bulan yang layak $[(\text{Jumlah amaun yang layak setahun} - (K + K_1 + K_t)) / n]$ atau $K_1$ , mengikut mana-mana yang lebih rendah;
$Y_t - K_t$	Saraan tambahan bersih bulan semasa;
$Y_t$	Saraan tambahan kasar bulan semasa;
$K_t$	Caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar berkenaan dengan $Y_t$ , tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;

* $K + K_1 + K_2 + K_t$ tidak melebihi jumlah amaun yang layak setahun;	
** $\sum(Y_t - K_t)$ hanya terpakai bagi pengiraan PCB bagi saraan tambahan;	
n	Baki bulan dalam setahun;
n + 1	Baki bulan dalam setahun, termasuk bulan semasa;
D	Potongan individu;
S	Potongan suami atau isteri;
D <sub>u</sub>	Potongan orang kurang upaya;
S <sub>u</sub>	Potongan suami atau isteri kurang upaya;
Q	Potongan bagi anak yang layak;
C	Bilangan anak yang layak;
Nilai D, S dan C ditentukan seperti yang berikut:	
(i)	Jika kategori 1 = Bujang: Nilai D = Potongan individu, S = 0 dan C = 0;
(ii)	Jika kategori 2 = Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja: Nilai D = Potongan individu, S = Potongan suami atau isteri dan C = Bilangan anak yang layak;
(iii)	Jika kategori 3 = Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang yang mempunyai anak angkat: Nilai D = Potongan individu, S = 0 dan C = Bilangan anak yang layak;
$\sum LP$	Potongan yang dibenarkan terkumpul dalam tahun semasa, termasuk daripada penggajian terdahulu, jika ada;
LP <sub>1</sub>	Potongan yang dibenarkan bagi bulan semasa;
R	Kadar peratusan cukai;
Z	Zakat terkumpul yang dibayar dalam tahun semasa selain zakat bulan semasa;

X	PCB terkumpul yang dibayar bagi bulan terdahulu dalam tahun semasa, termasuk bayaran daripada penggajian terdahulu, tetapi tidak termasuk PCB tambahan yang diminta oleh pekerja dan bayaran ansuran cukai.
---	---

6.2.4 PCB berdasarkan Pengiraan Berkomputer hendaklah tertakluk kepada yang berikut:

- (a) pengiraan terhad kepada dua titik perpuluhan sahaja dan abaikan angka yang berikutnya;
- (b) nilai PCB dibundarkan kepada nilai lima sen terhampir seperti berikut:
  - (i) satu, dua, tiga dan empat dibundarkan kepada lima sen; dan
  - (ii) enam, tujuh, lapan dan sembilan dibundarkan kepada 10 sen;
- (c) sekiranya amaun PCB sebelum potongan zakat adalah kurang daripada RM10, majikan tidak dikehendaki untuk membuat PCB; dan
- (d) sekiranya amaun PCB selepas potongan zakat adalah kurang daripada RM10, majikan dikehendaki untuk membuat PCB
- (e) amaun minimum PCB adalah RM10.

## 7. PENENTUAN AMAUN PCB BAGI SARAAN TAMBAHAN

Jika seseorang pekerja menerima bayaran saraan tambahan selain saraan biasa, amaun cukai yang perlu dipotong dan dibayar dalam bulan itu hendaklah dikira mengikut Formula Saraan Tambahan.

### 7.1. Saraan Tambahan Berdasarkan Jadual PCB

Amaun PCB ditentukan mengikut formula yang berikut:

- (a) Langkah 1 – Tentukan PCB atas saraan biasa bersih setahun.
- [A] Tentukan kategori pekerja.
  - [B] Tentukan saraan biasa bersih = Saraan biasa kasar – caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun.
  - [C] Berdasarkan saraan biasa bersih yang ditentukan dalam Langkah [B], rujuk Jadual PCB untuk menentukan PCB bulan semasa.
  - [D] Tentukan PCB bersih bulan semasa = PCB bulan semasa (Langkah [C]) – zakat bulan semasa, jika ada.
  - [E] Tentukan jumlah PCB setahun:  

$$= X + [\text{Langkah [C]} \times (n + 1)]$$
 X ialah PCB terkumpul yang telah dibayar;  
 n + 1 ialah baki bulan dalam setahun, termasuk bulan semasa.
- (b) Langkah 2 – Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun, termasuk saraan tambahan bulan semasa.
- [A] Tentukan kategori pekerja.

[B] Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun mengikut formula yang dinyatakan dalam perenggan 6.1, iaitu:

$$P = [(Y - K) \times 12] + [\sum(Y_{t1} - K_{t1})] + (Y_t - K_t) - (D + S + QC)$$

(c) Langkah 3 – Tentukan jumlah cukai setahun.

$$\text{Jumlah cukai setahun} = (P - M) R + B;$$

Nilai P ditentukan berdasarkan Langkah 2[B];

Nilai M, R dan B ditentukan berdasarkan Jadual 1.

(d) Langkah 4 – Tentukan PCB bagi saraan tambahan bulan semasa.

$$\begin{aligned} \text{PCB saraan tambahan} &= \text{Jumlah cukai setahun (Langkah 3)} - \text{Jumlah} \\ \text{bulan semasa} &\quad \text{PCB setahun (Langkah 1[E])} + \text{zakat yang} \\ &\quad \text{telah dibayar} \end{aligned}$$

(e) Langkah 5 – Tentukan PCB bulan semasa yang perlu dibayar.

$$\begin{aligned} \text{PCB bulan semasa} &= \text{PCB bersih (Langkah 1[D])} + \text{PCB saraan} \\ \text{yang perlu dibayar} &\quad \text{tambahan bulan semasa (Langkah 4)} \end{aligned}$$

Contoh pengiraan PCB ke atas saraan tambahan menggunakan formula Jadual PCB (e-Jadual PCB) :

### Contoh 3

Pekerja (Berkahwin), isteri bekerja 2 dan anak layak potongan.

Rujuk **KATEGORI 3 (KA2)**.

Amaun saraan dan KWSP bulan semasa bagi bulan Januari 2023 adalah seperti berikut:

Jenis Saraan	Saraan (RM)	KWSP (RM)
Saraan Biasa	4,600.00	506.00
Saraan Tambahan	9,200.00	1,012.00
Jumlah	13,800.00	1,518.00

**Langkah 1 – Tentukan PCB atas saraan biasa bersih setahun.**

[A] Tentukan kategori pekerja.

**Kategori 3 (KA2)**

[B] Tentukan saraan biasa bersih = Saraan biasa kasar – caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun.

$$\begin{aligned}
 \text{Saraan biasa bersih bulan semasa} &= \text{Saraan biasa kasar bulan semasa} - \text{Caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain} \\
 &= \text{RM4,600.00} - \text{RM333.00 (RM506.00 terhadap kepada amaun sebulan RM333.00)} \\
 &= \text{RM4,267.00}
 \end{aligned}$$

[C] Berdasarkan saraan biasa bersih yang ditentukan dalam Langkah [B], (rujuk e-Jadual PCB untuk menentukan PCB bulan semasa).

$$\text{PCB bulan semasa} = \text{RM71.35}$$

[D] Tentukan PCB bersih bulan semasa = PCB bulan semasa (Langkah [C]) – zakat bulan semasa, jika ada.

$$\begin{aligned}
 \text{PCB bersih bulan semasa} &= \text{PCB bulan semasa} - \text{zakat bulan semasa} \\
 &= \text{RM71.35} - \text{RM0.00} \\
 &= \text{RM 71.35}
 \end{aligned}$$



[E] Tentukan jumlah PCB setahun

$$= X + [\text{Langkah [C]} \times (n + 1)]$$

X ialah PCB terkumpul yang telah dibayar;

n + 1 ialah baki bulan dalam setahun, termasuk bulan semasa.

$$= \text{RM}0.00 + [\text{RM}71.35 \times 12 \text{ bulan}]$$

$$= \text{RM}856.20$$

**Langkah 2 - Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun, termasuk saraan tambahan bulan semasa.**

[A] Tentukan kategori pekerja.

**Kategori 3 (KA2)**

[B] Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun mengikut formula yang dinyatakan dalam perenggan 6.1, iaitu:

$$\begin{aligned} P &= [(Y - K) \times 12] + [\sum(Y_{t1} - K_{t1})] + (Y_t - K_t) - (D + S + QC) \\ &= [(\text{RM}4,600.00 - \text{RM}333.00^*) \times 12] + [\text{RM}0.00 - \text{RM}0.00] + \\ &\quad [\text{RM}9,200.00 - \text{RM}0.00^*] - [\text{RM}9,000.00 + \text{RM}0.00 + \text{RM}4,000.00] \\ &= \text{RM}51,204.00 + \text{RM}9,200.00 - \text{RM}13,000.00 \\ &= \text{RM}47,404.00 \end{aligned}$$

\* Caruman KWSP sebenar =  $(\text{RM}506.00 \times 12) + \text{RM}1,012.00 = \text{RM}7,084.00$

\* Potongan cukai atas caruman KWSP pekerja yang dibenarkan adalah terhad kepada  $\text{RM}4,000.00$  setahun

**Langkah 3 – Tentukan jumlah cukai setahun.**

$$\text{Jumlah cukai setahun} = (P - M) R + B$$

Nilai P ditentukan berdasarkan Langkah 2[B];

Nilai M, R dan B ditentukan berdasarkan Jadual 1.

$$\begin{aligned}
 \text{Jumlah cukai setahun} &= (P - M) R + B \\
 &= [(RM47,404.00 - RM35,000.00) \times 8\% + \\
 &\quad RM600.00] \\
 &= RM12,404.00 \times 8\% + RM600.00 \\
 &= RM1,592.32
 \end{aligned}$$

**Langkah 4 – Tentukan PCB bagi saraan tambahan bulan semasa.**

$$\begin{aligned}
 \text{PCB saraan} &= \text{Jumlah cukai setahun (Langkah 3) - Jumlah} \\
 \text{tambahan bulan} &\quad \text{PCB setahun (Langkah 1[E]) + zakat yang telah} \\
 \text{semasa} &\quad \text{dibayar} \\
 &= RM1,592.32 - [RM856.20 + RM0.00] \\
 &= RM736.12
 \end{aligned}$$

**Langkah 5 – Tentukan PCB bulan semasa yang perlu dibayar.**

$$\begin{aligned}
 \text{PCB bulan semasa} &= \text{PCB bersih (Langkah 1[D]) + PCB saraan} \\
 \text{yang perlu dibayar} &\quad \text{tambahan bulan semasa (Langkah 4)} \\
 &= RM736.12
 \end{aligned}$$

7.2. Saraan Tambahan Berdasarkan Pengiraan Berkomputer

Amaun PCB ditentukan mengikut formula yang berikut:

- (a) Langkah 1 – Tentukan PCB atas saraan bersih setahun, tidak termasuk saraan tambahan bulan semasa.

[A] Tentukan kategori pekerja.

- [B] Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun, tidak termasuk saraan tambahan bulan semasa, mengikut formula yang dinyatakan dalam perenggan 6.2, iaitu:

$$P = [\sum(Y - K^*) + (Y_1 - K_1^*) + [(Y_2 - K_2^*) n] + (Y_t - K_t^*)^{**}] - [D + S + D_U + S_U + QC + (\sum LP + LP_1)]$$

- [C] Tentukan PCB bagi saraan biasa bersih bulan semasa mengikut formula yang dinyatakan dalam perenggan 6.2.

$$\text{PCB bulan semasa} = \frac{[(P - M) R + B] - (Z + X)}{n + 1}$$

Setelah nilai P pada Langkah [B] ditentukan, nilai M, R dan B ditentukan berdasarkan Jadual 1.

- [D] Tentukan PCB bersih = PCB bagi saraan biasa bersih bulan semasa (Langkah [C]) – zakat bulan semasa.

- [E] Tentukan jumlah PCB setahun

$$= X + [\text{Langkah [C]} \times (n + 1)]$$

X ialah PCB terkumpul yang telah dibayar;

n + 1 ialah baki bulan dalam setahun, termasuk bulan semasa.

- (b) Langkah 2 – Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun, termasuk saraan tambahan bulan semasa.

- [A] Tentukan kategori pekerja.

- [B] Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun mengikut formula yang dinyatakan dalam perenggan 6.2, iaitu:

$$P = [\sum(Y-K^*) + (Y_1-K_1^*) + [(Y_2-K_2^*) n] + (Y_t-K_t^*)^{**}] - [D + S + D_U + S_U + QC + (\sum LP + LP_1)]$$

(c) Langkah 3 – Tentukan jumlah cukai setahun.

$$\text{Jumlah cukai} = (P - M) R + B;$$

setahun

Nilai P ditentukan berdasarkan Langkah 2[B];

Nilai M, R dan B ditentukan berdasarkan Jadual 1.

(d) Langkah 4 – Tentukan PCB bagi saraan tambahan bulan semasa.

$$\begin{aligned} \text{PCB bagi saraan} &= \text{Jumlah cukai setahun (Langkah 3)} - \text{Jumlah} \\ \text{tambahan bulan} &\quad \text{PCB setahun (Langkah 1[E])} + \text{zakat yang} \\ \text{semasa} &\quad \text{telah dibayar} \end{aligned}$$

(e) Langkah 5 – Tentukan PCB bulan semasa yang perlu dibayar.

$$\begin{aligned} \text{PCB bulan semasa} &= \text{PCB bersih (Langkah 1[D])} + \text{PCB saraan} \\ \text{yang perlu dibayar} &\quad \text{tambahan bulan semasa (Langkah 4)} \end{aligned}$$

Contoh pengiraan PCB ke atas saraan tambahan menggunakan formula Pengiraan Berkomputer.

#### Contoh 4

Pekerja (Berkahwin), isteri bekerja dan 2 anak layak potongan.

Rujuk **KATEGORI 3 (KA2)**

Amaun saraan dan KWSP bulan semasa bagi bulan Januari 2023 adalah seperti berikut:

Jenis Saraan	Saraan (RM)	KWSP (RM)
Saraan Biasa	4,600.00	506.00

Saraan Tambahan	9,200.00	1,012.00
<b>Jumlah</b>	<b>13,800.00</b>	<b>1,518.00</b>

**Langkah 1 - Tentukan PCB atas saraan bersih setahun, tidak termasuk saraan tambahan bulan semasa.**

[A] Tentukan kategori pekerja.

**Kategori 3 (KA2)**

[B] Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun, tidak termasuk saraan tambahan bulan semasa, mengikut formula yang dinyatakan dalam perenggan 6.2, iaitu:

$$P = [\sum(Y - K^*) + (Y_1 - K_1^*) + [(Y_2 - K_2^*) n] + (Y_t - K_t^*)^{**}] - [D + S + D_U + S_U + QC + (\sum LP + LP_1)]$$

**\*\*** $\sum(Y_t - K_t)$  hanya terpakai bagi pengiraan PCB bagi saraan tambahan.

Tentukan nilai  $K_2$ :

$$\begin{aligned} K_2 &= \text{Anggaran baki jumlah caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain yang dibayar bagi baki bulan yang layak} \text{ [[Jumlah amaun yang layak setahun} - (K + K_1 + K_t)]/n] \text{ atau } K_1, \text{ mana yang lebih rendah;} \\ &= \text{[[RM4,000.00} - (\text{RM0.00} + \text{RM506.00} + \text{RM0.00})]/11] \\ &= \text{RM317.64 atau } K_1 = \text{RM506.00; mana yang lebih rendah} \\ &= \text{RM317.64} \end{aligned}$$

\*Jumlah caruman KWSP atau skim diluluskan yang lain

$$\begin{aligned} &= K + K_1 + K_t + (K_2 \times n) \leq \text{RM 4,000.00 (terhad)} \\ &= \text{RM0.00} + \text{RM506.00} + \text{RM0.00} + (\text{RM317.64} \times 11) \\ &\leq \text{RM 4,000.00 (terhad)} \end{aligned}$$

$$= \text{RM}506.00 + \text{RM}3,494.04 \leq \text{RM } 4,000.00 \text{ (terhad)}$$

$$= \text{RM}4,000.04 \leq \text{RM } 4,000.00 \text{ (terhad)}$$

$$n = 11$$

$$P = [\sum(Y - K^*) + (Y_1 - K_1^*) + [(Y_2 - K_2^*) \dots n] + (Y_t - K_t^*)^{**}] - [D + S + D_U + S_U + QC + (\sum LP + LP_1)]$$

\*\* $\sum(Y_t - K_t)$  hanya terpakai bagi pengiraan PCB bagi saraan tambahan

$$= [(\text{RM}0.00 - \text{RM}0.00) + (\text{RM}4,600.00 - \text{RM}506.00^*) + [(\text{RM}4,600.00 - \text{RM}317.64^*) \times 11] - [\text{RM}9,000.00 + \text{RM}0.00 + \text{RM}4,000.00 + (\text{RM}0.00 + \text{RM}0.00)]$$

$$= [(\text{RM}4,094.00) + (\text{RM}4,282.36 \times 11)] - [\text{RM}9,000.00 + \text{RM}4,000.00]$$

$$= \text{RM}51,199.96 - \text{RM}13,000.00$$

$$= \text{RM}38,199.96$$

[C] Tentukan PCB bagi saraan biasa bersih bulan semasa mengikut formula yang dinyatakan dalam perenggan 6.2.

$$\text{PCB bulan semasa} = \frac{[(P - M) R + B] - (Z + X)}{n + 1}$$

Setelah nilai P pada Langkah [B] ditentukan, nilai M, R dan B ditentukan berdasarkan Jadual 1.

$$= \frac{[(\text{RM}38,199.96 - \text{RM}35,000.00) \times 8\% + \text{RM}600.00] - \text{RM}0.00 - \text{RM}0.00}{11 + 1}$$

$$= \frac{\text{RM}3,199.96 \times 8\% + \text{RM}600.00}{12}$$

12

$$= \frac{\text{RM}256.00 + \text{RM}600.00}{12}$$

$$= \text{RM}856/12 = \text{RM}71.33$$

- [D] Tentukan PCB bersih = PCB bagi saraan biasa bersih bulan semasa (Langkah [C]) – zakat bulan semasa.

$$\begin{aligned} \text{PCB bersih} &= \text{PCB bulan semasa} - \text{zakat bulan semasa} \\ &= \text{RM}71.33 - \text{RM}0.00 \\ &= \text{RM}71.33 \end{aligned}$$

- [E] Tentukan jumlah PCB setahun

$$\begin{aligned} \text{Jumlah PCB setahun} &= X + [\text{Langkah [C]} \times (n + 1)] \\ &= \text{RM}0.00 + [(\text{RM}71.33 \times (11 + 1))] \\ &= \text{RM}855.96 \end{aligned}$$

X ialah PCB terkumpul yang telah dibayar;

n + 1 ialah baki bulan dalam setahun, termasuk bulan semasa.

**Langkah 2 - Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun, termasuk saraan tambahan bulan semasa.**

- [A] Tentukan kategori pekerja.

### **Kategori 3 (KA2)**

- [B] Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun mengikut formula yang dinyatakan dalam perenggan 6.2, iaitu:

$$\begin{aligned} P &= [\sum(Y - K^*) + (Y_1 - K_1^*) + [(Y_2 - K_2^*) n] + (Y_t - K_t^{**})] - \\ &[D + S + D_U + S_U + QC + (\sum LP + LP_1)] \end{aligned}$$

Tentukan nilai  $K_2$ :

$$\begin{aligned}
 K_2 &= \text{Anggaran baki jumlah caruman KWSP atau skim} \\
 &\quad \text{diluluskan yang lain yang dibayar bagi baki bulan yang} \\
 &\quad \text{layak } [[\text{Jumlah amaun yang layak setahun} - (K + K_1 + \\
 &\quad K_t)] / n] \text{ atau } K_1, \text{ mengikut mana-mana yang lebih rendah;} \\
 &= [[\text{RM4,000.00} - (\text{RM0.00} + \text{RM506.00} + \text{RM1,012.00})] / 11] \\
 &= \text{RM225.64 atau } K_1 = \text{RM506.00, mengikut mana-mana} \\
 &\quad \text{yang lebih rendah} \\
 &= \text{RM225.64}
 \end{aligned}$$

\*Jumlah caruman KWSP atau skim lain yang diluluskan

$$\begin{aligned}
 &= K + K_1 + K_t + (K_2 \times n) \leq \text{RM 4,000.00 (terhad)} \\
 &= \text{RM0.00} + \text{RM506.00} + \text{RM1,012.00} + (\text{RM225.64} \times 11) \leq \\
 &\quad \text{RM 4,000.00 (terhad)} \\
 &= \text{RM506.00} + \text{RM1,012.00} + \text{RM2,482.04} \leq \text{RM 4,000.00} \\
 &\quad \text{(terhad)} \\
 &= \text{RM4,000.04} \leq \text{RM 4,000.00 (terhad)} \\
 n &= 11 \\
 P &= [\sum(Y - K^*) + (Y_1 - K_1^*) + [(Y_2 - K_2^*) n] + (Y_t - K_t^*)] - [D \\
 &\quad + S + D_U + S_U + QC + (\sum LP + LP_1)] \\
 &= [(\text{RM0.00} - \text{RM0.00}) + (\text{RM4,600.00} - \text{RM506.00}^*) + \\
 &\quad [(\text{RM4,600.00} - \text{RM225.64}^*) \times 11] + (\text{RM9,200.00} - \\
 &\quad \text{RM1,012.00}^*)] - [\text{RM9,000.00} + \text{RM0.00} + \text{RM4,000.00} + \\
 &\quad (\text{RM0.00} + \text{RM0.00})] \\
 &= [(\text{RM4,094.00}) + (\text{RM4,374.36} \times 11)] + [(\text{RM9,200.00} - \\
 &\quad \text{RM1,012.00}^*)] - [\text{RM9,000.00} + \text{RM4,000.00}] \\
 &= \text{RM52,211.96} + \text{RM8,188.00} - \text{RM13,000.00} \\
 &= \text{RM47,399.96}
 \end{aligned}$$



**Langkah 3 – Tentukan jumlah cukai setahun.**

$$\text{Jumlah cukai setahun} = (P - M) R + B$$

Nilai P ditentukan berdasarkan Langkah 2[B];

Nilai M, R dan B ditentukan berdasarkan Jadual 1.

$$\begin{aligned} \text{Jumlah cukai setahun} &= (P - M) R + B \\ &= (\text{RM}47,399.96 - \text{RM}35,000.00) \times 8\% + \text{RM}600.00 \\ &= (\text{RM}12,388.96 \times 8\%) + \text{RM}600.00 \\ &= \text{RM}992.00 + \text{RM}600.00 \\ &= \text{RM}1,592.00 \end{aligned}$$

**Langkah 4 – Tentukan PCB bagi saraan tambahan bulan semasa.**

$$\begin{aligned} \text{PCB saraan tambahan} &= \text{Jumlah cukai setahun (Langkah 3)} - \text{Jumlah PCB} \\ \text{bulan semasa} &\quad \text{setahun (Langkah 1 [E])} + \text{zakat yang telah} \\ &\quad \text{dibayar} \\ &= \text{RM}1,592.00 - [\text{RM}855.96 + \text{RM}0.00] \\ &= \text{RM}736.04 \end{aligned}$$

**Langkah 5 – Tentukan PCB bulan semasa yang perlu dibayar.**

$$\begin{aligned} \text{PCB bulan semasa} &= \text{PCB bersih (Langkah 1[D])} + \text{PCB saraan tambahan} \\ \text{yang perlu dibayar} &\quad \text{bulan semasa (Langkah 4)} \\ &= \text{RM}71.33 + \text{RM}736.04 \\ &= \text{RM}807.37 \end{aligned}$$

Bayaran PCB untuk saraan biasa bulan semasa dan saraan tambahan bulan semasa hendaklah dibuat dalam satu bayaran.

**8. PEMBATALAN**

Garis panduan ini membatalkan Garis Panduan Operasi Bil. 4 Tahun 2020 bertarikh 17 November 2020.

**9. PENAFIAN**

Contoh-contoh dalam Garis Panduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

02 Januari 2024